

27 Mac 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FELDA
Gugusan Jengka 21**

FELDA Gugusan Jengka 21 telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian tahunan pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Jengka 21. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 5 rancangan yang diuruskan oleh FELDA Gugusan Jengka 21.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Jengka 21 pada 26/05/2025 hingga 30/05/2025. Penilaian tahunan akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-2-2:2022 General principles for organised smallholders (less than 40.46 hectares). Salinan Standard MSPO MS 2530-2-2:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Ladang Jengka 25	Felda Jengka 25, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.	961.47	152	N 3.729994 E 102.431576
Ladang Jengka 13 (Putri Malu)	Pejabat Felda Jengka 13, Felda Jengka 13 26400, Bandar Pusat Jengka, Pahang.	1723.23	391	N 3°45'37.9" E 102°28'387"
Ladang Jengka 12 (Melor)	Pejabat Felda Jengka 12, Felda Jengka 12 26400, Bandar Pusat Jengka, Pahang.	2009.6	393	N 3°45'54" E 102°29'56"
Ladang Jengka 14 (Bunga Raya)	Pejabat Felda Jengka 14 Felda Jengka 14 26400, Bandar Pusat Jengka, Pahang.	2347.70	382	N 3°45'548" E 102°31'246"
Ladang Jengka 23	Felda Jengka 23, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.	2,242.00	443	N 3.634750 E 102.475680

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Jengka 21 terdiri daripada:

- i) Mohd Johari bin Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Pematuhan Undang-undang, Sosial dan Temuduga Pihak Berkepentingan Dalaman dan Luaran)
- ii) Mohd Irwan bin Senin sebagai Juruaudit (Kebolehjejukan dan Pematuhan Undang-undang)
- iii) Syed Ammar Ashraff bin Syed Mohammad Nasser sebagai Juruaudit (Aspek komitmen pihak pengurusan, Aspek alam sekitar dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Rancangan	Tarikh	Masa	Alamat
FELDA Jengka 25	26/05/2025	10.00 am	Felda Jengka 25, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.
FELDA Jengka 13	27/05/2025	10.00 am	Felda Jengka 13, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.
FELDA Jengka 12	28/05/2025	10.00 am	Felda Jengka 12, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.
FELDA Jengka 14	29/05/2025	10.00 am	Felda Jengka 14, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.
FELDA Jengka 23	30/05/2025	10.00 am	Felda Jengka 23, 26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim (Pemangku)

Mohd Johari bin Md Kassim
Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Mohd Johari bin Md Kassim

Penyelaras Skim (Pemangku)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.